

Media Title : Utusan Borneo Sarawak  
Headline : Suri rumah rugi lebih RM 100,000 terperdaya sindiket penipuan  
Date : 12 October 2024  
Section : Nasional  
Page : 12



## Suri rumah rugi lebih RM100,000 terperdaya sindiket penipuan

**KUANTAN:** Seorang suri rumah mengalami kerugian sebanyak RM103,517.59 selepas terperdaya sindiket penipuan yang menyamar sebagai pegawai insurans dan pegawai polis.

Ketua Polis Pahang Datuk Seri Yahaya Othman berkata, wanita berusia 54 tahun itu menerima panggilan telefon daripada suspek pada 15 September lepas yang me-

maklumkan bahawa mangsa terlibat dalam permohonan tuntutan insurans palsu.

Panggilan itu kemudian disambungkan kepada seseorang yang mengaku sebagai ‘pegawai polis’, yang memberitahu mangsa bahawa waran tangkap akan dieluarkan ke atasnya kerana terlibat dengan rasuah dan penggubahan wang haram.

“Mangsa diarahkan untuk menukar kad ATM baharu dan menyerahkan maklumat perbankan, serta memindahkan wang simpanan dari akaun ASB dan Tabung Haji ke akaun yang diberikan.

“Pada 10 Oktober, setelah membuat semakan di bank, mangsa mendapati wang dalam akaunnya telah lesap, menyebabkan kerugian se-

banyak RM103,517.59, dan segera membuat laporan di balai polis Raub,” katanya dalam kenyataan semalam.

Sehubungan itu, orang ramai dinasihati supaya tidak mudah percaya individu tidak dikenali dan membuat semakan dengan polis atau agensi kerajaan berkaitan bagi mengelak menjadi mangsa penipuan. — Bernama